

SPR : Proses penambahbaikan pilihan raya akan diputus dalam pertemuan dengan PSC esok
The Malaysian Insider
13 Mac , 2012
Oleh Clara Chooi

KUALA LUMPUR, 13 Mac — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dijangka akan menyelesaikan segala permasalahan mengenai penambahbaikan pilihan raya dalam pertemuan terakhir dengan Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen berkenaan penambahbaikan pilihan raya (PSC) esok setelah sekian lama orang ramai menunjukkan rasa tidak puas mereka terhadap proses pilihan raya negara.

Panel tersebut, yang dibentuk sejurus demonstrasi Bersih 2.0 Julai lalu hanya mempunyai tempoh tiga minggu untuk mengemukakan keputusan mereka sebelum tempoh penggal enam bulan diberikan tamat hujung bulan ini.

"Esok akan menjadi sesi terakhir kami dengan SPR. Ia akan menjadi sesi yang cukup lengkap kerana kami perlu membuat kesimpulan sebelum PSC membentangkan hasilnya kepada Parlimen," kata Timbalan Pengarah SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar (gambar) kepada The Malaysian Insider.

Menurut beliau, SPR bercadang untuk menerangkan kepada PSC berkenaan cadangan mereka setakat ini, kunci kepada implimentasi untuk rakyat Malaysia yang berada di luar negara,

Wan Ahmad bagaimanapun enggan mendedahkan sama ada SPR telah mengenal pasti kaedah terbaik untuk mengemukakan cadangan tersebut, tapi menjelaskan PSC akan diberitahu berkenaan "apa yang boleh dan tidak boleh" dilakukan.

"Saya yakin mereka (PSC) akan membangkitkan perkara ini esok. Kita lihat apa kata mereka.

"Dan kami akan menjelaskan apa yang kami boleh dan tidak boleh laksanakan dan masalah yang kami hadapi," katanya.

Ketika mesyuarat PSC minggu lalu, wakil SPR diminta untuk menyerahkan mekanisme berkenaan pelaksanaan sistem pengundian luar negara sebelum panel berkenaan menyiapkan laporan untuk diserahkan kepada Parlimen.

Menurut ahli jawatankuasa PSC, Anthony Loke, kegagalan SPR untuk mengemukakan perkara itu sama seperti tidak menghormati Dewan, yang telah pun memberikan kebenaran terhadap cadangan panel untuk membenarkan rakyat Malaysia di luar negara mengundi.

Ketika ini, hanya pelajar Malaysia sepenuh masa, kakitangan awam, dan pasangannya yang menetap di luar negara berhak mengundi ketika pilihan raya.

"SPR masih lagi belum menyerahkan cadangan mereka kepada kami ... menurut mereka, mereka memerlukan lebih banyak masa untuk mengkaji perkara itu dan mereka hanya 'KIV' (keep in view).

"SPR harus menyerahkan cadangan mereka ... sama ada mengekalkan sistem undi pos sedia ada atau memperkenalkan sistem lain," kata Loke.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah mengumumkan pembentukan PSC selepas menerima kecaman antarabangsa ketika kerajaannya menangani perhimpunan Bersih 2.0 pada 9 Julai.

Pemerhati pilihan raya, dengan gabungan 62 badan bukan kerajaan, NGO, telah mengadakan perhimpunan kedua selepas 2007 menuntut pembersihan sistem pilihan raya negara.

Selain itu, menuntut penggunaan dakwat kekal, penyusunan undi pos, tempoh berkempen dilanjutkan, akses yang adil terhadap media, dan sebagainya.

Namun penahanan ribuan peserta yang majoritinya berbaju kuning oleh kerajaan telah menerima kritikan daripada media asing.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/spr-proses-penambahbaikan-pilihan-raya-akan-diputus-dalam-pertemuan-dengan-psc-esok/>